

## HISTORIOGRAFI LIBERALISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT BARAT

Norsaleha Mohd Salleh, Phayilah Yama @ Fadilah Zakaria, and Noor Hafizah Mohd. Haridi

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

Correspondence Author: Norsaleha Mohd. Salleh. Department of Dakwah dan Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 193341494. Email: [norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Kajian ini menerangkan tentang sejarah atau historiografi pemikiran liberal. Ia bermula semenjak zaman Yunani, Rom sehingga era renaissance dan pasca moden. Kajian ini juga menerangkan implikasi kepada perubahan Kitab Bible, penguasaan golongan feudal dan dominasi gereja dalam membentuk liberalisme dalam masyarakat Barat. Perkembangan liberalisme dalam masyarakat Barat menekankan manusia sebagai objek kepada paksi membuat keputusan. Pemikiran yang menolak campur tangan dan peraturan agama dalam menentukan keputusan dan penilaian kepada sesuatu tindakan. Masyarakat Barat menerima liberalisme sebagai satu idea kemajuan yang perlu dipertahankan. Mereka yang mahu berjaya dan maju ke hadapan menguasai dunia mesti bebas dari ikatan dan peraturan agama yang dianggap sebagai candu masyarakat. Penolakan peranan agama dalam kehidupan merupakan gagasan besar yang membina tamadun Barat moden. Metodologi penulisan kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data dan fakta yang diperoleh daripada buku-buku dan dokumen yang berkaitan liberalisme. Kajian menunjukkan pemikiran liberal yang menjadi anutan masyarakat Barat menjadi pilihan sebahagian kecil masyarakat Islam di Malaysia. Muncul pandangan yang menolak dominasi syariat dalam kehidupan seperti kewajipan memakai hijab, lelaki sebagai imam solat dan wali perkahwinan, pewarisan harta pusaka dan lain-lain. Adaptasi pemikiran liberal Barat kepada masyarakat Islam adalah suatu yang tidak wajar kerana Islam adalah agama yang memerdekakan manusia daripada penghambaan sesama manusia dan meletakkan nilai mulia kepada peribadi dan kemanusiaan itu sendiri.*

**Kata Kunci:** Liberalisme, Barat, Islam, Sejarah, Pemikiran

---

**(THE LIBERALISM HISTORIOGRAPHY AMONG THE WESTERN SOCIETY)****ABSTRACT**

*This study explains the historiography of liberal thinking. It dated back to the Rome and progressed until the renaissance and the post-modern era. This study also describes the implication of the changes of Bibles, the feudalist autonomy and church domination in the formation of liberalism amongst the Western society. The development of liberalism in the Western culture emphasises human as the central axis of decision making. Thinking pattern that rejects religion and its rules in the decision making and evaluation process of certain actions. The Western society accepts liberalism as an idea of progress that must be preserved. Liberalism frees those who want to be prosperous and progressive in dominating the world from the ties and rules of religion, which it sees them as the opium of the society. The rejection of faith in life is the fundamental idea that underlies the construction of the modern Western civilisation. The study used content analysis methodology in obtaining the data and facts from books and documents about liberalism. This study showed that liberalism that has been the mantra of the Western society had become the choice among a small number of Muslim in Malaysia. This development is marked by the emergence of the view that rejects the role of Shariah rulings in life such as hijab, men as the imam (leader) for prayers and marital guardian, inheritance, etc. The adaptation of Western liberalism by the Muslim society is inappropriate as Islam is the religion that liberates humans from human slavery and places good values onto the personality and humanity itself.*

**Keywords:** Liberalism, Western, Islam, History, Thinking

Received: February 15, 2018

Accepted: April 3, 2018

Online Published: June 30, 2018

**1. Pendahuluan**

Penulisan berkaitan historiografi liberalisme dalam masyarakat Barat mendedahkan tentang sejarah bermulanya masyarakat Barat berjuang membebaskan diri mereka daripada penguasaan agama Kristian akibat cengkaman dan salah laku paderi-paderi di gereja. Penyelewengan yang terdapat dalam ajaran Kristian yang mengubah status Nabi Isa AS daripada seorang Nabi Utusan Allah SWT kepada status Isa anak tuhan, sekali gus mengubah isi kandungan Kitab Bible memberi impak yang besar kepada masyarakat Barat. Perubahan ini mendorong golongan paderi mendakwa sebagai wakil tuhan di dunia dan mencetuskan penganiayaan dan kezaliman yang melampau kepada masyarakat Barat pada waktu itu. Sewaktu cengkaman gereja mendominasi, masyarakat Barat tidak berupaya melakukan perubahan yang keluar daripada undang-undang gereja.

Implikasi kepada penindasan dan kezaliman gereja mendorong masyarakat Barat membuat perubahan dengan menolak kuasa agama daripada campur tangan dalam urusan pentadbiran dan ekonomi dan politik negara. Kesan daripada kejatuhan kuasa gereja dan feudalisme melonjakkan masyarakat Barat kepada peradaban baru dengan pelbagai kemajuan dan akhirnya menjadi kuasa dunia yang paling berpengaruh (al-

Silmy 2009). Kegemilangan peradaban Barat kontemporari jelas merujuk kepada konsep moden yang berjaya diterima sebagai cara hidup komprehensif masa kini. Idea kemajuan dalam liberalisme bermula dari pasca moden bermula pada abad ke-15 seterusnya berkembang dengan serius seiring dengan perkembangan ilmu pada abad ke-18. Abad ke-19 menyaksikan pembentukan imej modenisasi dalam perindustrian yang membuat perubahan besar dalam budaya masyarakat.

Pada asalnya kefahaman ini merupakan ajaran teologi dan falsafah tentang kebebasan kehendak. Dalam era moden kefahaman ini berubah kepada teori dan usaha mempertahankan kebebasan kehendak. Mereka menafsirkan bahawa kebebasan kehendak itu mempunyai sasaran dalam dirinya sendiri. Selepas itu konsep kebebasan dalam falsafah moden menumpukan masyarakat berpendirian untuk melarang institusi membentuk paksaan yang bersangkut paut dengan negara dan pemilikan individu ke atas mereka (Ali Mudhofir 1988). Ini menunjukkan liberalisme Barat dalam sejarah dari masa ke masa mengalami corak atau karakteristik tersendiri. Historiografi liberalisme Barat dibahagikan kepada zaman sebelum Masihi, zaman pertengahan, dan zaman modern. Zaman sebelum Masihi terdiri daripada tamadun Yunani dan Rom, manakala zaman pertengahan adalah zaman awal Kristian yang merupakan transisi dari zaman Yunani ke zaman Pertengahan dan Pencerahan (Cook & Herzman 1983). Zaman Modern pula bermula semenjak berlakunya renaissance dan revolusi Perancis yang menyaksikan pertukaran kuasa daripada gereja kepada kuasa demokrasi dan pilihanraya (al-Silmy 2009).

## **2. Liberalisme sebelum Masihi (323 – 146 Sebelum Masihi)**

Kemunculan pemikiran yang menolak campur tangan agama dalam kehidupan dan meletakkan manusia sebagai paksi membuat keputusan semenjak zaman tamadun Yunani (323 – 146 SM). Tokoh Falsafah Yunani seperti Thales pada abad ke-6 SM (Jones 1970; Onians 1989; Arthur 1985) telah mempersoalkan nilai kebenaran dari mitologis dan mencari prinsip di luar mitologis. Pandangan ini diakui oleh Hamid (2009) yang mendakwa teori liberal bermula menerusi ideologi sofis pada era Yunani kuno iaitu era yang menjadi salah satu elemen terpenting kemunculan peradaban Barat. Ideologi ini mendukung dua kompenan utama dalam epistemologi pemikiran iaitu skeptisme dan relativisme melalui tokoh seperti Heraclitus, Democritos, dan Pythagoras yang lazim dipandang sebagai seorang relativis, anarkis, atau humanis (Pranarka 1987).

Ideologi sofis terpengaruh dengan Pythagoras yang meletakkan manusia sebagai penentu sesuatu kebenaran (Bertens 1999) dan manusia adalah parameter segala sesuatu (*Man is the measure of all thing*) (al-Jisr 2005). Selain meletakan kebenaran adalah suatu yang relatif, ideologi Sofis mengajar seseorang untuk skeptikal terhadap pemikiran orang lain dan mengajarkan setiap orang untuk mempertahankan pendiriannya. Apa yang dibenarkan hari ini, esok boleh disalahkan. Apa yang dipertahankan kelmarin, hari ini boleh dibatalkan. Kebenaran itu hanya bersifat sementara. Dengan teori kebenaran yang tidak tercapai menjadikan tiada ukuran yang tetap tentang kebenaran dan tidak ada kebenaran tentang baik dan buruk. Justeru, hilanglah perbezaan antara benar dan salah, antara baik dan jahat (Mohammad Hatta 1986).

Ideologi sofis secara radikal mempopulkarkan intelektual, retorik yang melampau dan meluaskan pendidikan formal kepada remaja (Jarrett 1969). Mereka menggunakan logik, retorik, bahasa, dan sejarah dalam perdebatan yang membentuk kehidupan sekular. Aliran ini mengalami pertembungan sengit dengan ideologi Socrates, Plato,

dan Aristoteles (Tammam 2016). Yunani Kuno dianggap pereka terbesar kebudayaan Barat dari aspek seni, sastera, penulisan sejarah, demokrasi, falsafah politik, etika dan ilmu semasa yang dikenali sekarang sebagai ilmu alam (nature sciences). Warisan pemikiran daripada Plato dan Aristotle ini telah melahirkan pembentukan tamadun di abad pertengahan (Cook & Herzman 1983). Prinsip logik Aristotle telah mengesani susunan kompilasi undang-undang gereja abad ke-12 dan abad-abad berikutnya. Selain itu sintesis teologi Thomas Aquinas iaitu Summa Theologiae juga lahir dari daripada logik Aristotle (Cook & Herzman 1983). Majoriti pemikiran falsafah abad pertengahan diambil daripada pemikiran Athena antara tahun 450-300 SM (Knowles 1962). Kelangsungan budaya sebegitu membentuk fenomena berfikir yang memberikan autoriti daya akal sekaligus menafikan mitos ataupun tradisi.

Walaupun ahli falsafah seperti Socrates, Plato dan Aristotle mengalami kekeliruan dan berbeza pandangan tentang tahap kemampuan manusia berfikir, namun budaya berfikir dalam kalangan ahli falsafah Yunani tidak lari daripada pola pemikiran rasional dan pragmatis. Manusia diberi hak merumuskan sendiri tata nilai baik dan buruknya kemudian diterima ramai. Menurut Wan Mohd Nor (1990) hasil warisan ilmu Yunani berpengaruh besar ke atas bangsa Rom dan bangsa lain sehingga hari ini. Pola kebudayaan seperti itu kemudian diteruskan oleh bangsa Rom yang menguasai hampir seluruh Eropah, Turki, Babilon (Iraq), Mesir, bahkan daratan benua India dalam tempoh seratus tahun (Romein 1956). Zaman kemuncaknya di era Octavianus, bangsa Rom merupakan pelaksana teori yang telah ada semenjak zaman Yunani Kuno. Pengaruh budaya Yunani Kuno mula masuk sejak tahun 146 SM seiring dengan usaha bangsa Rom melakukan penaklukan dan penyebaran kesenian Rom ke Eropah dan sekitar Laut Tengah. Kesenian Rom merupakan pencampuran dua unsur seni budaya iaitu Rom yang merupakan daerah kekuasaan Etruskia dan seni Yunani Kuno. Budaya ini bukan berasal daripada rakyat biasa tetapi daripada golongan bangsawan. Golongan seniman besar seperti yang terdapat di Yunani tidak terdapat di Rom.

Justeru bangsa Rom membawa seniman dari Yunani Kuno. Oleh kerana itu, pengaruh Yunani Kuno sangat kuat dari sudut politik, seni dan budaya Rom di bawah bangsa Etruskia. Ini menunjukkan bahawa kesenian Rom pada dasarnya adalah percampuran unsur-unsur budaya Etruskia dan Yunani Kuno yang kemudian menjadi seni budaya baru. Al-Attas (1993) menyatakan peradaban Barat merupakan peradaban yang dikembangkan oleh bangsa-bangsa Eropah daripada peradaban Yunani Kuno yang berasimilasi dengan peradaban Rom dan disesuaikan dengan elemen kebudayaan bangsa Eropah terutama Jerman, Inggeris, dan Perancis. Prinsip asas dalam falsafah, seni, pendidikan dan pengetahuan diambil daripada Yunani manakala prinsip mengenai hukum dan ketatanegaraan diambil daripada Rom. Begitu juga dengan agama Kristian yang awal perkembangannya berasal daripada Asia Barat kemudian disesuaikan dengan budaya Barat sehingga terhasil agama Kristian pada hari ini.

### **3. Liberalisme pada zaman pertengahan (abad 5 -15 Masihi)**

Pada abad pertengahan (abad 5 -15 M) wujudnya percampuran antara Yahudi-Kristian dan Yunani Kuno-Rom yang berlaku pada zaman Kaisar Rom. Namun Rom tidak bertahan lama dan digantikan oleh budaya Kristian-Latin. Budaya Jerman dan Celtic khususnya Ireland masuk dan mempengaruhi pandangan hidup Barat. Zaman ini sangat penting bagi perkembangan kebudayaan Barat (Cook & Herzman 1983). Menurut Hamid (2009) dan Adian (2005) sejarah perkembangan liberalisme pada abad pertengahan tercetus menerusi fenomena ekonomi dan politik yang dimanipulasi

oleh sistem feudal iaitu sistem kuasa mutlak pemerintah dengan membataskan kebebasan golongan awam. Liberalisme bermula apabila berlaku pertembungan antara kehendak pemerintah dan batasan hak golongan awam yang melahirkan suatu persepsi negatif seterusnya membina usaha sekularisasi dalam politik masyarakat. Ini dibuktikan oleh hujah kaum Monarchomacha yang tinggal di Perancis terhadap Raja Perancis dalam memperjuangkan konsep kedaulatan rakyat dengan hujah-hujah duniawi di samping memperkecilkan dogma agama. Justeru, politik menyaksikan kehendak rakyat lebih meletakkan parlimen sebagai wakil rakyat berbanding raja yang mempromosi diri sebagai ejen Tuhan (Tolchah 2008).

Revolusi politik Eropah berikutnya merencami sosial dan ekonomi dengan mengetengahkan slogan jargon *liberté, égalité dan fraternité* yang melahirkan keinginan pelbagai bangsa untuk membangun negara sendiri dan membentuk republik kecil di Eropah. Kesedaran tersebut bersepada atas dasar pelbagai ikatan kepentingan yang melahirkan kefahaman nasionalisme. Kefahaman ini menjatuhkan dominasi feudalisme di Eropah semenjak abad ke-8 dan melahirkan sistem demokrasi yang memberi ekspresi hak-hak individu yang awalnya bersifat terpilih, khusus untuk golongan elite bersosial dan menjalankan ekonomi yang memiliki nilai tawar tinggi terhadap penguasa feudal (McKay et al. 2007). Sejarah liberalisme dan sekularisme berkembang daripada agama Kristian di Barat yang disebut dengan Zaman Kegelapan (*the dark ages*) (Adnin 2003). Ketika Empayar Rom Barat runtuh pada tahun 476 dan gereja Kristian mula muncul sebagai institusi yang dominan, masyarakat Barat hidup di bawah cengkaman kuasa gereja.

Pihak gereja mendakwa dirinya sebagai institusi rasmi mewakili Tuhan di muka bumi menjalankan hegemoni terhadap kehidupan masyarakat dan melancarkan berbagai tindakan kejam yang sangat tidak manusiawi (Adian 2007). Gerak geri biadab gereja dengan memaksa masyarakat untuk menuruti segala peraturan gereja dan dilarang untuk menentangnya, meskipun peraturan itu salah (al-Huwaily t.th). Malah para paderi menghalalkan pertumpahan darah untuk melaksanakan keinginannya (Adian 2004). Bagi melestarikan hegemoni tersebut, sudah tentu gereja memerlukan sekuriti untuk memelihara kepentingannya. Oleh itu, terbentuklah sebuah institusi gereja yang berniat untuk menindas musuh-musuh gereja, dikenali sebagai istilah *Inquisition* (penganiayaan) yang sangat terkenal kejahatan dan kekejamannya. Pemeliharaan hegemoni ini sesungguhnya juga merupakan pemeliharaan konsep yang dimiliki oleh gereja, iaitu konsep *infallible* (tidak didapati bersalah) (Wellem 1994).

Ketika cengkaman gereja menekan seluruh kehidupan, semua peraturan berada di bawah kuasa autonomi gereja. Kesannya, rakyat tidak mempunyai kebebasan dalam bertindak, autonomi individu terhad bahkan dimansuhkan. Situasi ini mendatangkan kritikan daripada berbagai lapisan masyarakat yang mengimpikan autonomi individu dikembalikan dalam setiap tindakan dan pilihan hidup. Autonomi individu difahami sebagai pembebasan daripada pembatasan dan campur tangan luar, berbentuk kekangan, pemaksaan atau pelbagai bentuk ancaman dan manipulasi. Menurut liberalisme, individu adalah pencipta dan penentu tindakannya. Dengan konsep seumpama ini, kejayaan dan kegagalan seseorang ditentukan oleh dirinya sendiri melalui tindakan dan pilihan sendiri. Hakikatnya manusia memiliki kebebasan dalam hidupnya, manusia adalah peribadi yang mempunyai kuasa autonomi (Ridha 2005).

Trauma Barat terhadap sejarah keagamaan memberi kesan besar ke atas persepsi mereka terhadap agama. Tidak menghairankan sekiranya disebut perkataan agama, fikiran mereka akan kembali kepada sejarah gelap agama Kristian yang lengkap dengan doktrin, ritual dan diwarnai dengan penganiayaan serta penyeksaan para ilmuan. Dendam masyarakat Barat juga membangkitkan sikap anti pengajur agama

yang dikenal dengan istilah *anti-clericalism* (Adian 2007). Menurut Kholili (2010), teologi Kristian menjadi terkenal setelah melalui Konsili Nicea pada tahun 325 Masihi yang diadakan oleh Kaisar Konstantine. Ia juga menjadi faktor berkembangnya liberalisasi dan sekularisasi di Barat. Dalam persidangan itu, aspek ketuhanan Nabi Isa diputuskan melalui undian.

Menurut al-Shidqi (2014), persidangan Kristian di Konsili Efesus pada tahun 431 Masihi melarang perubahan pada Syahadat Nicea melalui ancaman kutukan Gereja. Akan tetapi, ancaman tersebut tidak diberi perhatian kerana Persidangan Kalsedon dan persidangan-persidangan sebelumnya telah banyak mengubah serta menambah Syahadat Nicea tersebut yang kemudian menjadi faktor utama terjadinya konflik antara dua Gereja di Timur dan Barat pada abad ke-11. Isu yang ditimbulkan oleh gereja dan teologi kristian ini menimbulkan persepsi yang negatif terhadap konsep beragama sehingga masyarakat Barat melihat agama sebagai alat yang menyempitkan kehidupan dan menyekat kebebasan untuk meneroka dan mencari kebenaran baru. Menurut Adnin (2013), walaupun mereka tidak membunuh agama tetapi mereka meletakkan agama pada penjuru kehidupan yang sempit. Agama ditempatkan dalam hal-hal berkaitan individu dan menyekat pengaruh agama terhadap mereka. Hamid (2009) menegaskan terminologi ini memang sengaja digunakan untuk memusuhi agama dengan menyingkirkan agama tradisional.

#### **4. Liberalisme pada zaman moden (abad 16 – 19 Masihi)**

Aliran ini bermula pada abad ke-16 melalui tulisan Francis Bacon (1561-1626) dan Hobbes (1588-1679). Mana kala di Perancis munculnya Rene Descartes (1596-1650) yang memberi penekanan baru terhadap logik akal. Di Jerman pula, muncul tokoh falsafah kritis Immanuel Kant (1724-1804). Menurut Hamid (2009), kebebasan intelektual yang berusaha untuk bebas dari agama dan Tuhan itu kemudian tumbuh secara rasional menjadi liberalisme dalam pemikiran keagamaan. Peringkat pertama pada abad ke-17 ahli falsafah Perancis Rene Descartes yang mempromosikan doktrin rasionalisme atau Enlightenment yang berakhir pada pertengahan abad ke-18. Doktrin utamanya adalah percaya pada akal manusia, keutamaan kepada individu, berfikir dengan diri sendiri atau subjektif terhadap Tuhan dan percaya manusia itu berkembang dan dapat dikembangkan.

Liberalisme pada zaman ini bermula dengan revolusi tidak berdarah pada tahun 1688 yang kemudian dikenali dengan *The Glorious Revolution of 1688*. Revolusi ini berjaya menjatuhkan Raja James II dari England dan Ireland (James VII dari Scotland) serta menaikan William II dan Mary II sebagai raja. Tahun seterusnya, parlimen Inggeris meluluskan sebuah undang-undang hak rakyat (*Bill of Right*) yang mengandungi pemansuhan beberapa kekuasaan raja dan jaminan terhadap hak-hak asasi dan kebebasan masyarakat Inggeris. Pada waktu yang sama, ahli falsafah Inggeris John Locke (1632-1704) meneckankan hak asasi manusia dengan dakwaan setiap orang lahir di muka bumi ini mempunyai hak-hak dasar (*natural right*) yang tidak boleh dirampas. Hak-hak asasi itu meliputi hak untuk hidup, hak untuk memiliki sesuatu, kebebasan membuat pandangan, beragama dan berbicara. Di dalam bukunya, *Two Treatises of Government* (1690), John Locke berpendapat, pemerintah memegang tugas utama untuk menjamin hak-hak asasi tersebut dan jika ia tidak menjaga hak-hak asasi itu, rakyat mempunyai hak untuk membuat revolusi.

Semenjak tahun 1700, ahli falsafah Perancis Montesquieu (1689-1755) dalam bukunya, *The Spirit of the Laws* (1748) berpendapat, pemisahan kekuasaan negara (*separation of powers*) kepada pelaksana (eksekutif), pemantau (yudikatif) dan

lembaga pembuat dasar (legislatif) merupakan kemajuan untuk mengurangi kekuasaan politik yang mutlak. Mana kala Rousseau (1712-1778), di dalam bukunya *The Social Contract* (1762) berpendapat pemerintahan itu melambangkan refleksi dari harapan rakyat yang diperintah. Kekuasaan bukan milik raja atau penguasa tetapi milik rakyat. Begitu juga Voltaire (1694-1778) menentang pemerintah yang terlalu campur tangan dalam kebebasan individu. Ketiga-tiga tulisan ahli falsafah tersebut pada teorinya menyatakan hak-hak dan kebebasan individu.

Menurut Hamid (2009), implikasi daripada tulisan mereka itu, berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789. Peperangan pada sekitar 1775-1783 telah memerdekaan Amerika Syarikat daripada penjajahan Inggeris. Pada tahun 1788 undang-undang Amerika Syarikat memutuskan pemerintahan demokrasi melalui kekuasaan yang dibahagi kepada kuasa Presiden, Kongres, dan Pengadilan Federal. Pada tahun 1789, rakyat Amerika Syarikat membuat pindaan perlombagaan dikenali sebagai *Bill of Rights*. Pada tahun 1971, pindaan perlombagaan ini dijadikan salah satu keratan undang-undang dasar. Kandungan utama dari *Bill of Rights* adalah jaminan hak-hak asasi seperti kebebasan berbicara, media massa, beragama, dan sebagainya (Hamid 2009). Peringkat kedua pada akhir abad ke-18 dengan doktrin Romantisme yang menekankan pada individualisme di mana individu menjadi sumber nilai terhadap sesuatu. Kesedaran kendiri (*self consciousness*) mengambil tempat kesedaran bertuhan (*God consciousness*) dalam pengertian agama. Tokoh yang memperkenalkannya adalah Jean-Jacques (1712-1778), Immanuel Kant (1724-1804), dan Friedrich Schleiermacher (1768-1834) dan lain-lain (Hamid 2009).

Menurut Bellah (2000), benih ideologi liberalisme dibesarkan di Perancis pada abad ke-18 kesan pemikiran dan institusi-institusi di Inggeris. Namun para pemikir pencerahan Perancis berlainan dari guru-guru Inggeris mereka. Kecenderungan anti agama terhadap aliran Katolik tradisional lebih tinggi jika dibanding penentangan terhadap aliran Protestantisme. Manakala di Inggeris doktrin *Deisme* yang merupakan kepercayaan tentang pengetahuan, akal dan pikiran seseorang boleh menentukan bahawa Tuhan adalah wujud. Di mana pada asalnya kepercayaan ini cenderung dimasukkan dalam kelompok *Unitarianism* yang merupakan salah satu sub dominasi Protestan dalam teologi Kristian. *Unitarian* adalah suatu ajaran yang menekankan keesaan Allah.

Ia menjadi salah satu alternatif yang jauh lebih radikal bagi gereja yang kukuh di Perancis. Ketika teori pencerahan mendapat kuasa dalam revolusi 1789, yang diperoleh adalah sebuah agama baru liberalisme yang sekular dengan pusatnya di Catedral Notre Dame. Dalam bidang ekonomi, liberalisme berkembang melalui strategi *Laissez Faire* oleh seorang ahli ekonomi Scotties bernama Adam Smith di dalamnya bertajuk *The Wealth of Nations* (1776). Gagasan-gagasan ekonomi Adam Smith ini dijadikan ukuran untuk mendirikan sistem ekonomi kapitalis yang mempromosikan liberalisasi bagi kegiatan ekonomi bagi setiap orang. Strategi ini membataskan negara untuk campur tangan dalam kegiatan ekonomi rakyat (Hamid 2009).

## 5. Liberalisme pasca Modernisme (abad 20 – 21 Masihi)

Para pendekong pemikiran pasca moden seperti Richard Rorty (1931-2007) menegaskan tentang bahayanya konsep fitrah manusia. Bagi Richard konsep fitrah manusia merupakan satu ancaman kepada pasca moden. Antara aspek fitrah manusia yang ditolak oleh pasca moden ialah semangat kewarganegaraan dan semangat kebersamaan. Konsep fitrah manusia merupakan satu topik penting kerana ia

melibatkan fitrah dunia, fitrah kebenaran dan fitrah Tuhan. Kepercayaan ini wujud semenjak zaman Plato sehingga zaman moden, namun begitu telah ditolak pada zaman pasca moden yang juga menolak konsep metafizik. Bagi pemikir pasca moden, metafizik adalah pemungkin untuk manusia lari daripada realiti kehidupan dan bukan faktor yang boleh menentukan kemajuan yang akan dicapai oleh manusia.

Apabila manusia menolak konsep metafizik maka tentu juga akan menolak konsep teologi. Perkara yang penting bagi pasca moden ialah kebebasan manusia, bukan kebenaran. Pasca moden mementingkan manusia mempunyai kebebasan diri untuk menjalani dunia tanpa sebarang ikatan kepada sebarang bentuk tradisi termasuk Tuhan dan agama. Hal ini menjadikan masyarakat hidup dalam hipokrit dan tidak mempunyai garis panduan serta agenda terhadap apa yang dilakukannya. Masyarakat yang hidup dalam dunia yang bebas tidak akan mempunyai konsep kebenaran. Dari sudut epistemologi, pasca moden tidak mempunyai sesuatu yang boleh dikongsi bersama pada peringkat asas dari segi nilai-nilai moral yang universal. Kebenaran pada zaman pasca moden hanyalah berupa produk bahasa dan budaya semata tanpa melihat kepada kebenaran mutlak (Azmi 2002).

Dalam tempoh 1960-1990, pasca moden muncul sebagai sebuah fenomena budaya di mana masyarakat berubah daripada masyarakat industri kepada masyarakat maklumat dengan meningkatnya teknologi ICT melalui komputer dan *mobile phone* (Toffler et al. 2002). Masyarakat maklumat menghasilkan sekumpulan orang baru. Malah dalam bidang perniagaan pun telah menukar dari mod berpusat kepada mod jaringan. Era maklumat bukan sahaja mengubah pekerjaan tetapi juga menghubungkan seluruh dunia. Masyarakat maklumat bekerja berdasarkan jaringan komunikasi yang meliputi seluruh muka bumi seperti jodoh internet, jutawan internet, kerja melalui rumah, filem hollywood dan bollywood, coca cola, tv satelit dan lain-lain.

Pada zaman dahulu, maklumat tidak secepat perjalanan manusia seperti pada hari ini. Pada era revolusi industri 4.0 ini, maklumat dapat mengalir ke seluruh dunia secepat Cahaya. Sistem komunikasi global yang begitu canggih dapat mengetahui peristiwa apa sahaja dan di mana sahaja di dunia ini. Budaya massa dan ekonomi global yang dihasilkan era maklumat berusaha menyatukan dunia menjadi www. Ketika dunia ini bersatu pada satu dimensi, pada waktu yang sama ia menghancurkan sudut dimensi yang lain. Munculnya pasca moden menghasilkan kesedaran global dan menipisnya semangat nasionalisme. Semangat cintakan tanah air, bangsa dan agama menjadi semakin suram dengan munculnya gerakan globalisasi. Hidup pada era globalisasi menyedarkan penduduk dunia mengenai kepelbagaiannya budaya di dunia ini. Gelombang perubahan ini juga memaksa masyarakat mengambil cara pandang pluralisme iaitu satu pemikiran yang meletakkan kedudukan semua agama itu sama dan pengikut semua agama selamat untuk masuk syurga (Anis 2005).

Cara pandang ini bukan sahaja bersikap toleran kepada kumpulan lain, tetapi juga meraikan kepelbagaiannya budaya, amalan dan prinsip sehingga melahirkan gaya pasca moden. Secara dasarnya, globalisasi telah mencabul kedaulatan sesebuah negara dan bangsa sama ada dari segi bahasa, budaya, undang-undang, tanah air dan agama. Bukan itu sahaja, globalisasi mengakibatkan masyarakat Islam termasuk golongan wanita hanyut dalam kehendak sendiri tanpa batasan agama dan sempadan akhlak. Ini merupakan satu pencabulan kepada nilai-nilai kemanusiaan yang dirancang secara senyap oleh agenda Barat (Norsaleha 2015).

## 6. Implikasi liberalisme kepada masyarakat Islam

Liberalisme menuntut kebebasan mutlak dan menolak campur tangan agama dalam kehidupan manusia sehari-hari. Pemikiran ini memberi impak yang besar kepada akidah dan budaya hidup masyarakat Islam. Akidah Islam menuntut umatnya untuk memberi sepenuh wala kepada Allah SWT dan menolak segala bentuk syirik dan keterikatan manusia kepada sesama manusia. Akidah Islam membebaskan manusia daripada penghambaan kepada sesama manusia (Sabiq 2003). Keadaan ini bercanggah dengan agenda liberalisme yang mahu membebaskan manusia daripada ikatan agama dan menjunjung manusia sebagai paksi membuat keputusan. Implikasi liberalisme terhadap masyarakat Islam di Malaysia ialah muncul gerakan feminism atas nama hak asasi manusia dan kesamarataan gender. Demokrasi yang diamalkan di negara-negara dunia ketiga menyaksikan gerakan ini berjaya muncul ke permukaan. Ini merupakan satu kejayaan kepada kaum feminism sebagai hasil daripada era pasca moden (Azmi 2002).

Begitu juga munculnya gerakan yang menuntut kebebasan dan pengiktirafan seperti kumpulan *lesbian, gay, bisexual* dan *transgender* (LGBT), ajaran Syiah yang menyeleweng daripada akidah ahli sunnah wal jamaah, perkahwinan sejenis, kesamarataan gender yang digerakkan oleh gerakan feminism dan gerakan anti hadis di Malaysia. Menurut Noor Hafizah et al. (2017), kumpulan yang memperjuangkan hak LGBT mengusulkan supaya Seksyen 377A-D Kanun Kesejahteraan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabi'i dimansuhkan kerana pengharaman tersebut bertentangan dengan prinsip kebebasan manusia yang menjadi tonggak himpunan Seksualiti Merdeka di Malaysia. Pada dasarnya, kelompok LGBT di seluruh dunia menuntut 8 perkara utama, iaitu; i. Aktiviti seks sesama jantina (tidak mengambil kira soal haram atau halal). ii. Pengiktirafan terhadap hubungan sesama sejenis atau berlainan jenis. iii. Perkahwinan sesama jantina. iv. Pengambilan anak angkat. v. Membenarkan gay untuk berkhidmat dalam tentera. vi. Membenarkan lesbian untuk berkhidmat dalam tentera. vii. Anti diskriminasi berdasarkan orientasi seksual. viii. Memperjuangkan undang-undang untuk identiti gender dan ekspresi gender.

Manakala gerakan feminism di Malaysia kuat dipengaruhi oleh gerakan feminism di Barat, lebih bermotif reformasi sosial dan politik golongan wanita. Gerakan ini didukung oleh wanita elit dan menengah atasan yang berpendidikan tinggi. Mereka begitu tertarik kepada gerakan feminism di Barat yang membangkitkan soal keadilan sosial, kesaksamaan, hak kemanusiaan, hak wanita, liberalisasi kaum wanita, dan pelbagai pendekatan yang berpusat pada kepentingan dan pandangan yang memihak dan menyebelahi wanita. Dengan mengeksplorasi pelbagai isu yang bukan sahaja bersifat gender *bias*, kebanyakan pejuang gerakan feminism terperangkap oleh isu asas yang masih dihadapi oleh masyarakat negara membangun. Gerakan feminism ini mempertikaikan kewajipan berhijab dengan menolak wujudnya hujah yang jelas dari al-Quran tentang kewajipan berhijab. Mereka juga menuntut hak sama seperti lelaki untuk menjadi imam dalam ibadat, hak sebagai wali dalam perkahwinan, hak pewarisan harta pusaka yang sama antara lelaki dan wanita (Norsaleha 2016).

Suara gerakan feminism di Malaysia lantang kedengaran apabila timbul isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam. Berita pelaksanaan hukuman sebat terhadap 24 wanita dan 17 lelaki yang didakwa melakukan sumbang mahram dan mengadakan hubungan seks luar nikah di Negeri Johor pada tahun 2013 telah menimbulkan kekecohan dalam kalangan penggerak feminism. Mereka mendakwa hukuman

tersebut tidak adil untuk kaum wanita dan menuntut agar undang-undang kesalahan jenayah Syariah dimansuhkan. Tindakan ini menunjukkan kepada sikap prejedis mereka terhadap undang-undang yang diperuntukkan dalam agama Islam. Perasaan trauma terhadap kekejaman yang pernah dilakukan oleh gereja kepada masyarakat Barat mempengaruhi tindakan dan persepsi sekumpulan masyarakat Islam yang tidak mendalamai agama Islam.

Liberalisme memberikan impak yang berbagai-bagai kepada masyarakat Islam di Malaysia. Sifat kasih sayang sesama manusia semakin terhakis, keganasan bermaharajela dan wujud kecenderungan bertindak kejam dan ganas. Nilai-nilai akhlak semakin hilang kedudukannya di mata masyarakat. Amalan keji dan budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai akhlak berleluasa di merata tempat. Kes buang bayi, penderaan kanak-kanak, merogol, merempit, meragut, membunuh, samseng jalanan, membuli, merompak, menagih dadah dan sebagainya berleluasa di seluruh negara. Masyarakat sudah merasa tidak selamat dalam rumah sendiri. Anak-anak tidak selamat tinggal dengan ibu bapanya. Gadis-gadis tidak selamat di rumah dan di jalanan. Masyarakat diselubungi dengan kekeliruan tentang identiti dan jatidiri yang perlu menjadi pegangan dan anutan. Krisis moral dan politik melanda masyarakat dengan seriusnya (Norsaleha 2015).

Begitu juga muncul gerakan anti hadis yang mempersoalkan relevansi ajaran hadis dalam era moden, autoriti hadis serta peranan hadis sebagai medium yang memacu kemajuan. Kajian menunjukkan gerakan anti hadis ini menimbulkan pelbagai implikasi dan kekeliruan kepada masyarakat seperti piagam dalam hak asasi manusia versi Barat menjadi pegangan masyarakat Islam pada hari ini. Malah gerakan ini cuba untuk mentafsirkan semula Islam mengikut kaca mata falsafah Barat. Hal ini menimbulkan ancaman kepada budaya dan cara hidup ketimuran yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam di Malaysia (Abur Hamdi et al. 2017).

Masyarakat juga berhadapan dengan krisis ekonomi dan sosial. Masalah berpunca daripada kepincangan akhlak, kehilangan role-model, mengutamakan kepentingan peribadi lebih daripada kepentingan umum, takut untuk berhadapan dengan kenyataan dan tidak mahu memikul tanggungjawab. Fakta yang dikeluarkan oleh berbagai-bagai agensi kerajaan menunjukkan betapa besar masalah sosial yang melanda. Penglibatan golongan Melayu dalam keruntuhan akhlak seperti laporan yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (2016) menunjukkan jumlah penagih dadah meningkat 26,668 pada tahun 2015 berbanding 21,777 pada tahun 2014. Penglibatan wanita Islam dalam dunia peragaan, ratu cantik, pengiklanan komersial, gadis bola, gadis grand prix, lakonan, nyanyian dan tarian yang jelas mencemar nama baik agama Islam. Berita gadis lari mengikut teman lelaki, mahu kebebasan hidup tanpa ikatan keluarga, bersekedudukan, sumbang mahram dan lain-lain isu sosial masyarakat menunjukkan krisis sosial berada pada tahap yang membimbangkan.

## 7. Penutup

Penjelasan di atas membuktikan teori liberalisme Barat berlanjutan menjalani evolusi semasa sehingga menyerap dalam pemikiran masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Perubahan ini berpunca daripada latar belakang pembentukan pemikiran yang telah berakar umbi semenjak . Ada sebahagian masyarakat Islam mudah terpengaruh tanpa penelitian terhadap ideologi Barat terutama doktrin keagamaan dengan dakwaan menuju negara moden. John Louis Esposito (1986), seorang orientalis haluan kanan mengakui aplikasi modenisasi dalam dunia Islam yang mengangkat sistem politik, hukum dan pendidikan Barat dalam pelbagai aspek

sebenarnya tidak semestinya sesuai dengan ideologi dan nilai Islam dari aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya. Beberapa negara Islam cuba bertukar ideologi dan sistem pemerintahannya mengikut Barat yang mengakibatkan kebergantungan besar dunia Islam terhadap sistem ekonomi dan pendidikan Barat. Liberalisasi memberi implikasi dalam isu moral dan agama di mana masyarakat Islam mula melihat dan menilai sesuatu mengikut kerangka dan acuan Barat.

Ini mengakibatkan berlaku penilaian yang tidak benar terhadap amal dan pendekatan yang dibawa oleh Islam. Terdapat dalam kalangan masyarakat Islam yang berpegang kepada pemikiran liberal mempertikaikan tuntutan syariat dan pelaksanaan hukum syarak di Malaysia. Mereka juga mempersoalkan kewajaran institusi agama dan mahkamah syariah. Akibatnya membawa kepada penghinaan kepada institusi agama dan mahkamah syariah dan munculnya tuntutan yang melampau daripada kalangan pejuang liberalisme yang menuntut hak dan pengiktirafan terhadap seksualiti golongan *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* (LGBT), kebebasan perkahwinan sejenis, penghapusan hukum hudud dan mahkamah syariah.

Penyerapan idea ini ke dalam jiwa dan pemikiran umat Islam berlaku dalam keadaan yang halus dan tersusun. Dalam konteks bangsa Melayu yang hidup dalam masyarakat majmuk di Malaysia, situasi ini perlu difahami dan ditangani dengan bijak dan tegas. Pendekatan dakwah kepada masyarakat hendaklah menyeluruh dan mudah didekati. Masyarakat Islam perlu diberikan pendedahan tentang penghayatan Islam yang sebenar melalui sistem pendidikan formal dan tidak formal sama ada di sekolah, masjid, media massa dan media sosial. Semua institusi perlu berperanan menyebarkan keindahan Islam dan mencegah kemungkaran yang berleluasa. Ibu bapa, guru, alim ulama, NGO Islam dan badan agama Islam negeri perlu bekerjasama dalam membantu masyarakat Islam lebih memahami dan menghayati kehidupan Islam yang sebenar. Mereka juga perlu didedahkan dengan agenda musuh Islam yang memberi ancaman kepada akidah itu sendiri. Liberalisme adalah satu bentuk serangan pemikiran yang boleh mengancam akidah dan jatidiri umat. Liberalisasi boleh melahirkan manusia tanpa bangsa dan tanpa agama. Manusia yang tanpa bangsa dan agama menjadikan ia, manusia yang tiada agenda, identiti dan jatidiri. Manusia yang tiada identiti dan jatidiri akan sentiasa tunduk dan dipergunakan oleh orang lain.

### **Penghargaan**

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS 2016 Fasa 2 - Geran Penyelidikan Primer (GPP) bertajuk Pengaruh Media Sosial dan Pemikiran Liberal dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia (KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPP/011). Penghargaan setinggi-tingginya kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang telah menaja penyelidikan ini.

### **Rujukan**

- Abur Hamdi, Rosni Wazir dan Zanariah Ismail. 2017. The notion of liberalisation on the anti-hadith movement and its impact on society. *al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Vol. 2. No. 2. 81-95.
- Adian Husaini. 2004. *Tinjauan Historis Konflik Yahudi- Kristen-Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Adian Husaini. 2005. *Wajah Peradaban Barat; Dari Hegemoni Kristen ke Dominasi Sekuler-Liberal*. Jakarta: Gema Insani.

- Adian Husaini. 2007. *Mengapa Barat Menjadi Sekuler-Liberal*. Ponorogo: Centre for Islamic and Occidental studies, Institut Studi Islam Darussalam.
- Adnin Armas. 2003. *Pengaruh Kristian-Orientalis Terhadap Islam Liberal: Dialog Interaktif dengan Aktifis Jaringan Islam Liberal*. Jakarta: Gema Insani.
- Adnin Armas. 2007. Menelusuri Gagasan Sekularisasi Nurcholis Madjid. *Jurnal Tsaqafah*. 1428 volume 3 nombor 2. 1- 14.
- al-Attas, Syed Mohammad Naguib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Civilisation and Malay World.
- al-Huwaily, Safar bin Abdurrahman. (t.th). *al-'Ilmaniyyah Nasayatuha wa Tatawwuruha wa Atsaruhu fi al-Hayat al-Islamiyyah al-Mu'asirah*. Mesir: Markas al-Bahst al-Ilmiy.
- Ali Mudhofir. 1988. *Kamus Teori dan Aliran dalam Filsafat*. Yogyakarta: Liberty.
- al-Jisr, Syaikh Nadim. 2005. *Qisah al- Iman bain al-Falsafah wa al- 'ilm wa al-Quran*. terj. M. Mochtar Zoerni. Mengembara Mencari Tuhan. Bandung: Pustaka Hidayah.
- al-Shidqi, Fadlurrahman. 2014. Problem Doktrin Sekulerisme. *Jurnal Kalimah*. Vol. 12 No. 2. September. 213-235
- al-Silmy, Abdul Rahim Somail. 2009. *Haqiqat al-libraliyah wa mawqif al-Islam minha*. Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.
- Anis Malik Taha. (2005). *al-Ta'adudiyah al-diniyah ru'yah Islamiyah*. Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Arthur, W. H. Adkins. 1985. *Reading in Western Civilization*. Chicago: University of Chicago Press.
- Azmi Aziz. 2002. Pertentangan antara pascamodenisme dengan fitrah manusia. Dlm. Misran Rokimin, James Francis Ongkili & Azmi Aziz (pnyt.). *Falsafah dan peradaban pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bellah, Robert N. 2000. *Menemukan Kembali Agama: Esei-esei tentang Agama di Dunia*, terj. Rudi H.A. Jakarta: Paramadina.
- Bertens, Kees. 1999. *Sejarah Filsafat Yunani*. Kanisius Yogyakarta
- Esposito, John Louis. 1986. *What is to be done the Enlightened Thinkers and Islamic Renaissance*. Houston: IRIS.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2009. Liberalisasi Pemikiran Islam: Gerakan Bersama Missionaris, Orientalis dan Kolonialis. *Jurnal TSAQAFAH*. Vol. 5 No. 1 Jumadal Ula 1430. 1-28.
- Jarrett, James L. 1969. *The Educational Theories of the Sophists, Classics in Education 39*. New York: Teachers College Press Columbia University.
- Jones, William Theophilus. 1970. *A History of Western Philosophy, the Classical Mind*. Chicago: Harcourt Brace Jovanovich Publisher.
- Kholili Hasib. 2010. *Kritik atas Konsep Abrahamic Faiths dalam Studi Agama*. Ponorogo: Centre for Islamic and Occidental studies, Institut Studi Islam Darussalam.
- McKay, John P, Hill, Bennett D., Buckler, John, Ebrey, Patricia B., & Beck, Roger B. 2007. *A History of World Societies*. Boston: Houghton Mifflin Company
- Mohammad Hatta. 1986. *Alam Pikir Yunani*. Tintamas Jakarta.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abdul Rahman dan Rosni Wazir. 2016. Metodologi dakwah terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*. Bil.2. Isu 2. 103-119.
- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. Wanita mendepani cabaran sosial globalisasi. Dlm. Noorbahiah Misran, Norsaleha Mohd. Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi. *Wanita & Cabaran Globalisasi*. Putrajaya: Konwanis Consultasy.

- Norsaleha Mohd. Salleh. 2016. The Roles of Islamic NGO In Dealing With Feminism Agenda In Malaysia. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*. Vol. 1, No. 1. 96-112.
- Onians, Richard Broxton. 1989. *The Origin of European Thought*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pranarka, Aria M.W. 1987. *Epistemologi Dasar Suatu Pengantar*. Jakarta: Centre for Strategic and International Studies.
- Ridha Aida. 2005. Liberalisme dan komunitarianisme konsep tentang individu dan komunitas. *Jurnal Demokrasi*. Vol. IV No. 2 Th. 95-106.
- Romein, Jan M. 1956. *Era Eropah, Peradaban Eropah sebagai Penyimpangan dari Pola Umum*. Bandung- Djakarta -Amsterdan: Ganaco NV.
- Sabiq, Sayid. 2003. *al-Aqidah al-Islamiyah*. Kaherah: Darul Salam.
- Tammam, Abbas Mansur. 2016. Pengaruh orientalis terhadap liberalisasi pemikiran Islam. *Journal Kalimah*. Vol. 14 No. 1 Mac. 1-13.
- Toffler, Alvin & Heidi. 2002. *Menciptakan Peradaban Baru : Politik Gelombang Ketiga*. Kab. Tangerang: Penerbit IKON.
- Tolchah, Moch. 2008. Pendidikan dan Faham Liberalisme. *Jurnal At-Ta'dib*. Vol.3 No.2 Sya'ban 1428. '163-178.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1990. Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun. *Jurnal Pendidikan Islam*. V. 3. Bil. 1. 51-67.
- Wellem, Frederiek Djara. 1994. *Kamus Sejarah Gereja*. Jakarta: Gunung Mulia.

### Author's Biography

**Norsaleha Mohd. Salleh**, adalah pemegang Ijazah Ph.D Pendidikan Islam daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memperoleh Master dalam bidang Usuluddin dan Falsafah daripada Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Ijazah Sarjana Muda bidang Aqidah dan Falsafah daripada Universiti al-Azhar, Mesir. Dr Norsaleha telah menerbitkan banyak artikel yang menjadi rujukan dalam bidang akidah, pemikiran, pendidikan psikologi Islam dan kewanitaan. Beliau banyak menerima jemputan dalam dan luar negara untuk menyampaikan pandangan dan kepakaran dalam bidang tersebut. Beliau merupakan pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Peradaban Islam dan bertugas sebagai Pengarah di Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Beliau boleh dihubungi pada alamat email norsaleha@kuis.edu.my